

**Untuk Siaran Segera
5 Mac 2026**

PNB RAIKAN RAMADAN BERSAMA KOMUNITI

*Lebih 760,000 meraih manfaat menerusi inisiatif pelaburan sosial pada
2025*

Kuala Lumpur, 5 Mac 2026 – Permodalan Nasional Berhad (PNB) meneruskan komitmen jangka panjangnya dalam memperkukuh kesejahteraan masyarakat melalui penganjuran Majlis Raikan Ramadan Bersama PNB yang berlangsung di Masjid Al-Sultan Abdullah, Presint Merdeka 118.

Program tahunan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan PNB untuk mengembalikan nilai kepada rakyat, selaras dengan Matlamatnya untuk mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi.

Pada tahun 2025, PNB telah menyalurkan sejumlah RM68 juta bagi inisiatif tanggungjawab sosial korporat dan pelaburan sosial di seluruh negara, memberi manfaat kepada lebih 760,000 rakyat Malaysia, merentasi pelbagai komuniti. Program-program ini merangkumi pelbagai keutamaan masyarakat termasuk biasiswa dan program pendidikan, bantuan asnaf, pemerikasaan komuniti, keusahawanan wanita, inisiatif Santuni MADANI, serta inisiatif literasi kewangan seperti Celik MADANI. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan PNB untuk memastikan nilai yang dicipta dapat dikembalikan secara bermakna kepada rakyat.

Majlis Raikan Ramadan Bersama PNB pada tahun ini meraikan 66 orang anak yatim daripada beberapa rumah kebajikan di sekitar Lembah Klang serta 50 pelajar Celik MADANI, iaitu program literasi kewangan di bawah kelolaan Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Penyertaan pelajar Celik MADANI pada tahun ini adalah yang pertama sejak program berkenaan dilancarkan, sejajar dengan usaha PNB untuk memperkukuh literasi kewangan dalam kalangan belia Malaysia.

Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda, dalam ucapannya menekankan kepentingan memanfaatkan bulan Ramadan untuk memperkukuh nilai empati, kepedulian sosial dan tanggungjawab bersama. Beliau turut menegaskan bahawa usaha PNB bukan terhad kepada sokongan jangka pendek, tetapi bertujuan membina asas kemerdekaan kewangan dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Jika dahulu kemerdekaan itu bermaksud kebebasan daripada penjajahan, hari ini kita bercakap tentang satu lagi bentuk kemerdekaan, iaitu kemerdekaan kewangan."

"Sempena Aidilfitri yang bakal tiba, kami bersyukur kerana dapat berkongsi rezeki dan memberi kegembiraan kepada anak-anak sekalian," tambah beliau.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya, PNB menyampaikan sumbangan berjumlah RM250 kepada setiap penerima, merangkumi RM100 tunai, RM100 dikreditkan terus ke akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB), dan Cenderamata daripada PNB.

Sumbangan ini, lebih-lebih lagi penyaluran ke dalam akaun ASB mencerminkan komitmen PNB yang menggalakkan literasi kewangan dan memupuk tabiat menabung yang berdisiplin sejak usia muda.

Sebagai pengisian program, anak-anak dan pelajar turut dibawa melawat kawasan sekitar Presint Merdeka 118, termasuk lokasi bersejarah seperti Stadium Merdeka. Inisiatif ini bertujuan memperkukuh pemahaman generasi muda terhadap sejarah negara serta menghargai perjalanan Malaysia menuju sebuah negara berdaya tahan dan berdaya saing.

-TAMAT-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah salah sebuah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad